

Kementerian kewangan focus pemulihan negara

Kementerian Kewangan fokus pemulihan negara

Tiada sebarang perkara disembunyikan, pelbagai strategi dilaksana untuk pulih ekonomi

Dleh Mohd Iskandar Ibrahim
nohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Fokus utama Kementerian Kewangan (MOF) adalah untuk memacu pemulihan negara supaya rakyat dapat kembali hidup dengan selesa selepas erosion akibat penularan pandemik COVID-19.

Menterinya, Tengku Datuk Seri Zafry Zainal Abidin (Zafry), mengakui MOP tidak menyentuh sebarang perkara sejaknya berusaha melaksanakan pelbagai strategi bagi memacu pemulihan negara melalui luar fotografi utama iaitu Jamin-Jamin dan Semarak Niaga seperti libuntang dalam Bajet 2022.

"Unsur mengetahui keadaan ekonomi negara buat masa ini, erutama selepas kesan negatif yang dibawa oleh COVID-19.

"Namun seperti yang saya sebut, fokus utama kita sekarang adalah untuk memacu pemulihan negara agar rakyat dapat semula hidup dengan selesa.

"Menjana pekerjaan, membina pelaburan, membantu perniagaan adalah antara banyak stra-

tegi yang kita rancang untuk memacu pemulihan ini," katanya menerusi perkongsian di Facebook, semalam.

Beliau mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini yang tidak menolak kemungkinan untuk mendedahkan ketudukan kewangan negara didakwa tidak semolek seperti digambarkan.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) itu turut mengakui nama Zafry yang didakwa menyerasikan laporan berkenaan kepada beliau.

Mengulas lanjut, Zafry berkata, ia adalah laporan yang diberikan kepada sekretariat MPN seperti laporan lain yang diberikan kepada anggota Kabinet ti-

dak kira daripada mana-mana parti.

"Sebagai Pengurus MPN, beliau memerlukan laporan terbaik untuk mengambil keputusan yang tepat dalam membantu Perdana Menteri membawa Malaysia ke arah pemulihan pasca COVID-19.

"Malah, fakta ekonomi yang ada dalam laporan itu merupakan fakta yang saya sebut berulang kali kepada Kabinet dan sesiapa sahaja orang swam.

"Saya tidak pernah sorok, baik melalui kenyataan media, ulasan saya pada forum jawapan Parlimen serta laporan agensi seperti Bank Negara, Jabatan Statistik dan sebagainya."

Beliau berkata, pihaknya juga sudah menjelaskan mengenai Akta Tanggungjawab Fiskal, untuk mengelakkkan isu seperti 1Malaysia Development Berhad

(IMDB), Projek Suria Synergy Energy Resources Sdn Bhd (SSER) dan sebagainya daripada berlaku lagi.

Justeru, beliau berharap semua pihak dapat memberi ketamahan kepada pemulihan ekonomi untuk rakyat kerana negara kini berada di landasan tepat yang mana aktiviti ekonomi dari segi perspektif makro, perniagaan atau individu sedang beransur pulih berdasarkan indikator seperti pasaran kerja dan sebagainya.

"Saya yakin kita dapat pulih menggunakan perancangan dan menjana ekonomi, sekali gun terus membawa koyakinan pelabur untuk datang ke Malaysia," katanya.

Seperti yang saya sebut, fokus utama kita sekarang adalah untuk memacu pemulihan negara agar rakyat dapat kembali hidup dengan selesa

Tengku Zeyfrul
Tengku
Abdul Aziz,
Menteri
Kewangan

